NO SOALAN :40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM**
		(BANDAR TUN RAZAK)
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**30.03.2015**

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan untuk menunda pelaksanaan GST yang dijadualkan bermula 1 April 2015, mengambil kira semakan Bajet 2015 sebagai persediaan kemungkinan kemelut ekonomi akibat kejatuhan nilai ringgit dan harga global minyak dan gas serta kemelesetan ekonomi di Jepun akibat kenaikan kadar piawai GST.

JAWAPAN

Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk

menangguhkan pelaksanaan GST kerana ia merupakan cukai kepenggunaan yang menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST). Dibawah SST pengguna telahpun membayar cukai jualan 5% atau 10% serta cukai perkhidmatan 6% berbanding dengan GST dimana barang hanya dikenakan 6% sahaja atau tidak dikenakan cukai sehingga dikategorikan dibawah GST zero rated atau GST exempt supply.

2. Di peringkat antarabangsa, pengumuman mengenai pelaksanaan GST telah memberi kesan yang positif setelah Malaysia diberi pengiktirafan oleh Badan-Badan Antarabangsa dan agensi penarafan dunia. Ini akan membantu Malaysia mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi kelak.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini adalah didorong oleh faktor luaran kerana mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai berbanding dolar AS. Pengukuhan dolar AS ini adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur

terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, kejatuhan harga minyak rendah dunia turut memberi kesan kepada negara-negara pengeksport komoditi domestik Malaysia.